



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



KENYATAAN MEDIA

MEDAC DAN PUNB METERAI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) BAGI MEMPERKASAKAN USAHAWAN BUMIPUTERA

PUTRAJAYA, 2 MAC 2021- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) mengukuhkan kerjasama strategik dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) menerusi pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan tujuh agensi di bawah kementerian iaitu UDA Holdings Berhad, SME Corp Malaysia, SME Bank, Bank Rakyat, TEKUN Nasional, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Objektif utama pemeteraian MoU ini adalah sebagai satu sinergi dalam usaha mewujudkan ekosistem perniagaan yang kondusif bagi menjana sosio ekonomi bumiputera yang lebih berdaya saing. Ke arah itu, kerjasama dan kolaborasi strategik yang dimeterai ini akan dapat menyediakan peluang kepada semua usahawan Bumiputera secara adil dan saksama.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar berkata, “faktor pembiayaan dan kekurangan dana adalah antara penyumbang utama kepada kekurangan penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor ekonomi. Pada tahun 2020, sejumlah **RM833 juta** telah diperuntukkan bagi melaksanakan **23 program** pembangunan Bumiputera yang memanfaatkan **131,807 usahawan**. Kesemua program tersebut dilaksanakan secara rentas agensi di bawah MEDAC.”

Justeru beliau berkata, melalui kerjasama strategik yang dijalinan dalam bidang pembiayaan, latihan dan pembangunan kapasiti, akses pasaran serta

akses kepada lokasi perniagaan bersama PUNB ini diharapkan akan dapat membuka lebih banyak peluang bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan. “Saya juga yakin bahawa dengan kerjasama yang dimeterai ini, satu sinergi baharu dapat dizahirkan dan tidak mustahil ianya dapat melahirkan 100 jutawan setiap tahun dalam kalangan PKS hasil daripada kerjasama strategik di antara MEDAC dan PUNB.” ujar YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar.

Sementara itu, Pengerusi PUNB, YB Tan Sri Noh Omar berkata, “pemeteraian MoU antara PUNB dengan tujuh agensi di bawah MEDAC ini membabitkan lima skop kerjasama. Menurutnya, skop kerjasama tersebut adalah tawaran pembiayaan perniagaan; peluang perniagaan untuk usahawan Bumiputera bagi pasaran tempatan dan antarabangsa; perkongsian idea, bahan penerbitan dan kemudahan fasiliti; promosi dan program pembangunan serta penawaran premis perniagaan di lokasi-lokasi strategik.

Ketujuh-tujuh agensi yang terlibat dengan MoU hari ini mempunyai agenda yang sama dalam pembangunan keusahawanan negara, cuma ia berbeza daripada aspek perkhidmatan yang ditawarkan. Bagaimanapun, perbezaan perkhidmatan yang ditawarkan setiap agensi terlibat, adalah satu kelebihan dalam pemeteraian MoU ini, apabila usahawan mempunyai lebih banyak pilihan untuk mendapatkan pembiayaan perniagaan dan khidmat sokongan korporat.

MEDAC dan PUNB yakin pemeteraian MOU ini adalah sebagai tunjang demi misi untuk membantu mengembangkan perniagaan usahawan Bumiputera dan melahirkan lebih ramai usahawan yang berdaya saing selaras dengan Teras Strategik 3 dalam Dasar Keusahawanan Nasional iaitu “Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik”.

Pada majlis ini, MEDAC diwakili oleh tujuh agensi yang terdiri daripada: Ketua Pegawai Eksekutif UDA Holdings Berhad, Sr Mohd. Salem bin Kailany, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Encik Aria Putera bin Ismail, Pemangku Ketua Pegawai

Eksekutif Bank Rakyat, Dato' Syed Abdul Aziz Syed Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional, YBhg. Dato' Adam bin Abd Ghani, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Nasional Berhad (PNS) Encik Hilaluddin bin Abd Shukor, dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Encik Muhd Firdaus bin Azharuddin. Manakala, PUNB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, En Izwan Zainuddin dengan sesi penyerahan dokumen MoU disaksikan oleh Pengerusi PUNB, YB Tan Sri Noh Omar dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Timbalannya, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Samsudin.

Sekian.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)

PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)